

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 2 APRIL 2018 [ISNIN]

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai agihan peruntukan jumlah jemaah haji kepada pelbagai kumpulan, termasuk peruntukan khas untuk kumpulan tertentu. Berapa ramai bilangan jemaah haji yang akan mengerjakan haji pada tahun 2018 dan berapa ramai yang dibiayai oleh 1MDB dan GLC yang lain.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan/agihan kuota khusus kepada mana-mana kumpulan tertentu kerana **TH** telah mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu

didahulukan sejak tahun 1995, iaitu setelah kuota dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Kerajaan Arab Saudi.

Pada tahun 2018, bakal haji berdasarkan kuota rasmi adalah seramai 30,200 orang. Manakala, bilangan bakal haji Program Khas Haji YAB Perdana Menteri adalah seramai 1,200 orang.

Sekian, terima kasih.